

13 DEC 1997

M'SIA TIDAK AKAN BUAT SEBARANG PENGECEUALIAN KPD FIRMA INSURANS ANTARABANGSA

PETALING JAYA, 13 Dis (Bernama) -- Malaysia tidak akan membuat sebarang pengecualian kepada syarikat insurans asing yang beroperasi di negara ini yang mempunyai lebih daripada 51 peratus pegangan untuk melupuskan pemegangan saham mereka bagi membolehkan perjanjian dicapai di perjanjian kewangan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: "Dasar Malaysia sangat jelas. Semua yang kami putuskan akan dikenakan kepada semua orang.

"Kami tidak boleh membuat kebenaran kini bahawa pendirian Malaysia diterima dan kami akan hanya membenarkan 51 peratus pemilikan asing. Ia tidak adil untuk membenarkan mana-mana syarikat dikecualikan apabila syarikat lain patuh kepada peraturan.

Bercakap ketika sesi dialog di persidangan "Sektor Swasta Hormati Asean" yang bermula hari ini, beliau berkata Malaysia sebenarnya berlembut dengan pendiriannya mengenai pemilikan asing sebanyak 51 peratus dengan tidak mengubah semula kepada 49 peratus yang dikenakan sebelum ini kepada pemilikan asing dalam syarikat insurans.

"Hari ini, kami telah memutuskan jika mana-mana pihak tidak bersetuju, kami akan tetap menawarkan 51 peratus tetapi mereka tidak boleh mendesak untuk mendapatkan 100 peratus pemilikan asing," tegasnya.

Perdana Menteri menambah bahawa adanya "padang permainan yang sama" dalam pengliberalan kewangan bukan satu norma yang boleh diterima di Malaysia kerana "kami mahu pemain-pemain yang mempunyai saiz dan usia yang sama".

"Syarikat kewangan besar yang dimiliki asing bersedia menghadapi kerugian (kepada liberalisasi pasaran) tetapi tidak bagi syarikat tempatan.

"Jika kita rugi akan terdapat gabungan (merger), pemilikan dan lain-lain dan akhirnya tiada lagi bank-bank Malaysia, syarikat insurans dan syarikat kewangan Malaysia," kata Mahathir. -- BERNAMA

AD ZK